



## Dahulu peguam, kini usahawan

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

**S**IAPA sangka, kerjaya yang diidamkan sejak di bangku sekolah terpaksa dilepaskan kerana minat untuk membuat pekerjaan lain.

Itu yang dialami Datin Dr. Nik Sarina Hashim yang melepaskan jawatan sebagai peguam setelah bertahun lamanya berkecimpung dalam kerjaya tersebut.

Kongsi Nik Sarina, sebelum menceburkan diri dalam perniagaan, dia sebelumnya 'terjun' ke bidang perundangan dengan beberapa jawatan yang pernah digalasnya.

"Saya masih ingat, pertama kali bekerja dalam bidang perundangan sebagai Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi dan Majistret di Shah Alam, Selangor.

"Beberapa tahun selepas itu, saya bekerja sebagai Timbalan Pendakwa Raya negeri Selangor dan seterusnya memilih peguam dalam bidang perbankan dan korporat sebagai kerjaya terakhir.

"Entah macam mana, bila sudah lama bekerja dalam bidang perundangan, hati ini teringin pula nak ada bisnes sendiri. Maka, bermulalah hidup saya dalam bidang perniagaan kosmetik," katanya memulakan bicara bersama *Aura*.

Cerita Nik Sarina, dia langsung tidak berasa terkilan, apatah lagi menyesal dengan keputusan diambil.

Akuinya, sebelum tercetusnya idea untuk membuka perniagaan label kosmetik sendiri, dia pernah memasarkan pelbagai produk lain.

"Dari situ, saya dapat melihat bagaimana produk yang berkualiti boleh pergi jauh dan peluang bertahan untuk satu jangka masa yang panjang," ujarnya.

Ditebak mengenai cabaran yang



**SYARIKAT yang diasaskan Nik Sarina kini mempunyai ibu pejabatnya sendiri yang terletak di ibu negara.**

dilalui sepanjang mengasaskan perniagaan, Nik Sarina yang kini menggalas tanggungjawab sebagai pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat memberitahu, cabaran pasti datang dalam apa jua perniagaan sekali pun.

"Bukan senang untuk berniaga. Sepanjang melibatkan diri dalam bidang ini, salah satu cabaran terbesar adalah bekalan.

"Semasa saya aktif memasarkan produk syarikat lain, banyak peluang perniagaan tidak dapat dipenuhi.

"Ini disebabkan bekalan, yang mana pesanan daripada pembeli tidak dapat dipenuhi kerana pemilik produk tidak dapat merancang dan memberi stok



yang cukup. Semasa saya aktif memasarkan produk syarikat lain, banyak peluang perniagaan tidak dapat dipenuhi. Ini disebabkan bekalan, yang mana pesanan daripada pembeli tidak dapat merancang dan memberi stok yang cukup.

yang cukup.

"Ini juga menjadi salah satu sebab mengapa saya memulakan produk sendiri dalam bidang yang saya gemari iaitu kosmetik," katanya.

Berkongsi perancangan dan hala tuju syarikat, Nik Sarina, 49, memberitahu, dia sebelumnya amat berbangga kerana walaupun baru setahun jagung berniaga, syarikatnya mampu berkongsi rezeki dengan banyak pihak.

"Alhamdulillah, walaupun masih baharu di pasaran, saya telah berjaya melahirkan lebih daripada 500 ejen dan jumlah tersebut bakal meningkat ke dua atau tiga kali ganda menjelang hujung tahun ini.

"Tidak setakat menjalankan perniagaan secara fizikal, kami juga melakukan jualan menerusi eksport ke beberapa buah negara secara online dan luar talian," katanya.

Menoktahkan perbualan, Nik Sarina memberitahu, dia juga bakal melebar luas barisan produk sedia ada kepada rangkaian lain.

"Saya kini memberi fokus pasaran perniagaannya itu ke Singapura dan Brunei, selain pasaran domestik," ujarnya.



**SOKONGAN berterusan daripada kakitangan, ejen dan pengedar menjadi tulang belakang dalam memacu perniagaan kosmetik yang diasaskan Nik Sarina.**

**NIK SARINA** langsung tidak pernah kesal dengan keputusan meninggalkan kerjaya dalam bidang perundangan demi bergelar usahawan.